

05 OCT 2003

Syed Hamid-Penghargaan

PENGHARGAAN "MENGEJUT" DARIPADA ASEAN UNTUK PM, KATA SYED HAMID

Oleh: Salbiah Said dan Openg Onn

NUSA DUA (Bali), 5 Okt (Bernama) -- Penghargaan "mengejut" kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad daripada Asean semasa berlangsungnya Sidang Kemuncak Ketua-ketua Kerajaan Asean pada Selasa, disifatkan sebagai satu penghormatan kepada Perdana Menteri dan negara.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata penghargaan itu dianjurkan oleh Indonesia, yang pada masa ini mempengerusikan Asean dan tuan rumah kepada Sidang Kemuncak Asean kesembilan di Bali, yang bertujuan sebagai suatu kejutan bagi Dr Mahathir.

"Ia sepatutnya tidak diumumkan. Tujuannya ialah sebagai kejutan kepada PM. Saya tidak tahu bagaimana untuk mengendalikannya," kata beliau pada persidangan media di sini hari ini.

Syed Hamid agak terperanjat semasa ditanya mengenai penghargaan itu, yang terkandung dalam aturcara bagi media Malaysia yang membuat liputan Sidang Kemuncak Asean kesembilan dan mesyuarat-mesyuarat lain di sini dari 5 hingga 8 Okt.

Menurut jadual, Presiden Indonesia Megawati Sukarnoputri akan memberikan penghargaan dan menyampaikan cenderamata kepada Dr Mahathir selepas majlis menandatangani piagam Asean yang dikenali sebagai Bali Concord II.

Bali Concorde II, atau Deklarasi Asean Concord II, akan mengukuhkan tiga tonggak utama berkaitan integrasi ekonomi, keselamatan dan pembangunan sosial dalam satu langkah yang dijangka mengikat perkumpulan itu dengan lebih erat.

Piagam yang baru itu merujuk kepada sebuah masyarakat Asean dengan "tiga tonggak": Masyarakat Ekonomi Asean, Masyarakat Keselamatan Asean serta Masyarakat Sosial dan Kebudayaan Asean.

"Bagi kami ianya bukan sekadar penghargaan kepada PM secara peribadi, tetapi juga satu penghormatan kepada negara kita," kata Syed Hamid, sambil menarik perhatian bahawa ini merupakan kali pertama anggota-anggota Asean menganjurkan acara istimewa untuk Dr Mahathir yang akan bersara penghujung bulan ini.

"Saya fikir dalam banyak perkara yang PM telah lakukan, beliau bukanlah menonjolkan dirinya sendiri tetapi beliau telah membentuk Malaysia menerusi satu cara yang membolehkan kita meneruskan warisannya, dalam satu cara yang kita berkeyakinan dan mampu meletakkan diri kita pada kedudukan yang amat baik dalam apa juga yang kita usahakan," katanya.

Beliau turut menyuarakan sepenuh penghargaan Malaysia kepada tuan rumah Indonesia kerana menganjurkan acara itu, tetapi enggan memberikan butiran lanjut mengenainya.

Majlis istimewa itu, yang akan diadakan semasa Sidang Kemuncak Ketua-ketua Kerajaan Asean, merupakan peluang terbaik bagi Dr Mahathir untuk mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakannya dan bagi mereka memberikan penghormatan kepada beliau berikutan sumbangan dan kepimpinannya di kalangan masyarakat Asean, kata Syed Hamid.

Dr Mahathir, katanya, seringkali dilihat sebagai pemimpin yang proaktif, sambil menyatakan bahawa Perdana Menteri telah menyumbangkan idea yang 'boleh dilaksanakan'. Wawasan 2020 Asean, masyarakat penyayang Asean dan konsep memakmurkan jiran, kesemuanya diilhamkan oleh Dr Mahathir, katanya.

Contoh yang lain ialah Masyarakat Ekonomi Asia Timur, iaitu satu idea yang telah diterima oleh negara-negara anggota.

"Idea itu berasal dari KL. Semasa kita mahukan idea berkaitan Asia Timur, tiada siapa yang mahu menerimanya, jadi kita hasilkan idea kreatif ASEAN+3," katanya.

"Perlu ada satu unit yang memberikan tumpuan kepada aktiviti Asia Timur (di kalangan Asean). Jika tidak, ia akan menjadi terlalu umum," kata Syed Hamid.

Sambil memberikan contoh idea yang dikemukakan Dr Mahathir, termasuk Segitiga Pertumbuhan Mekong dan Ganga, Syed Hamid menarik perhatian bahawa Perdana Menteri "mempunyai semangat kerjasama" dan "beliau boleh menyesuaikan pandangannya sungguhpun ada yang berpendapat beliau seorang yang tegas."

Dr Mahathir, 77, yang menerajui kepimpinan sejak 1981, memeranjatkan negara dengan pengumuman mengenai peletakan jawatannya pada Jun tahun lepas.

Beliau kemudiannya bersetuju untuk terus memimpin kerajaan sehingga Oktober tahun ini bagi memastikan peralihan kuasa yang lancar dan teratur kepada timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

-- BERNAMA

SS OPP NM ROS